

Kerjasama UPM-AHM dalam industri aeroangkasa

AEROANGKASA bukanlah suatu bidang baharu di negara ini dan ia sedang berkembang dengan baik.

Tidak banyak institusi pengajian tinggi yang menawarkan bidang tersebut dan salah sebahagianya adalah Universiti Putra Malaysia (UPM).

Universiti berkenaan bahkan memiliki rangkaian kerjasama yang baik dengan pemain terkemuka bidang tersebut di dalam mahupun luar negara.

Bagi mengekalkan hubungan dan rangkaian tersebut terus bertambah baik, UPM menerusi Pusat Penyelidikan Pembuatan Aeroangkasa (AMRC) telah mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama erat bersama Airbus Helicopter Malaysia (AHM).



IR DR. MOHAMED THARIQ



Menurut Pengarah AMRC, **Prof. Madya Ir. Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan**, kerjasama tersebut adalah

situasi menang-menang antara kedua-dua belah pihak.

“AHM merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan, baik pulih dan alat ganti (MRO) untuk semua helikopter milik Airbus.

“Kami di AMRC merupakan sebuah pusat penyelidikan yang telah ditubuhkan di Fakulti Kejuruteraan UPM yang melaksanakan penyelidikan dalam bidang kejuruteraan komposit, khususnya dalam



industri aeroangkasa,” katanya.

Persefahaman yang dijalin antara UPM dan AHM mempunyai agenda besar ke arah mencapai Tranformasi Nasional 2050 (TN50) dapat dilaksanakan.

Kerjasama itu juga mampu meningkatkan taraf UPM sebagai sebuah universiti yang diiktiraf dan menjadi rakan pintar dalam setiap projek penyelidikan serta mobiliti pelajar UPM bersama industri.

AHM sebagai salah sebuah syarikat aeroangkasa yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa akan memudahkan proses perpindahan teknologi dan peningkatan pengetahuan dalam bidang helikopter khususnya.

Untuk itu, pelbagai program telah dirancang seperti latihan industri pelajar prasiswazah UPM di AHM untuk tempoh 12 minggu.

Melalui perjanjian itu juga sebuah Makmal Kerjasama UPM dan AHM akan diwujudkan bagi melancarkan aktiviti penyelidikan dan memberi impak yang besar kepada industri tersebut.

UPM juga turut menerima sumbangan daripada AHM berupa sebuah enjin pesawat Lycoming (TIO-540-AB1AD) dengan anggaran nilai RM130,000.

Enjin tersebut akan digunakan secara aktif untuk tujuan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran di universiti berkenaan.

Selain itu, UPM juga dan AHM juga bersetuju untuk mengadakan program pertukaran pegawai penyelidik UPM atau pelajar lepasan siswazah ke AHM untuk tujuan



UPM antara institusi pengajian tinggi awam yang mempunyai kemudahan pengajaran dalam bidang aeroangkasa.

penyelidikan dan perundingan kejuruteraan.

Usaha tersebut dilihat dapat membantu negara melahirkan

lebih ramai jurutera yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan luas khususnya dalam industri aeronautikal.